



# PENGURUSAN SISA E-WASTE

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN





# APA ITU E-WASTE ?

- Di Malaysia, e-waste dikategorikan sebagai buangan terjadual dengan kod SW110 di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar.
- Penjanaan e-waste terbahagi kepada 2 jenis punca iaitu daripada sektor industri dan yang dihasilkan daripada isi rumah.
- E-waste merupakan barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau lama / usang seperti telefon bimbit, komputer, televisyen, mesin basuh, peti sejuk dan pendingin hawa.
- Kod SW110 ditafsirkan sebagai buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain, atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan, atau bifenil terpoliklorin.



# KENAPA PERLU MENGURUSKAN E-WASTE SECARA MESRA ALAM ?

- E-waste kini telah menjadi masalah di seluruh dunia. Semakin banyak barangan elektrik dan elektronik yang dihasilkan, semakin banyak juga e-waste yang perlu dibuang/diuruskan.
- Jika E-waste dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam seperti buang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya, e-waste ini berupaya untuk membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar.





# **BAGAIMANA MENGURUSKAN E-WASTE DOMESTIK SECARA MESRA ALAM**

- Penduduk Seberang Perai boleh menghantar barangan e-waste domestik ke pusat-pusat kitar semula yang berada diseluruh Seberang Perai.
- Lampu Kalimantan juga boleh dilupuskan di pusat-pusat kitar semula yang dibekalkan tong e-waste (Lampu Kalimantan) oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai

# DASAR PEMUNGUTAN SERTA PELUPUSAN BAGI SISA E-WASTE SELURUH SEBERANG PERAI

DILULUSKAN



MEI 2023

TAFSIARAN E-WASTE  
MENGIKUT DASAR



TIUB LAMPU KALIMANTANG DAN  
DIOD PEMANCAR CAHAYA (LED)

AKTA KUALITI ALAM  
SEKELILING 1974

## SW110

KOD YANG DIGUNAPAKAI DI  
BAWAH JADUAL PERTAMA,  
PERATURAN-PERATURAN KUALITI  
ALAM SEKELILING (BUANGAN  
TERJADUAL) 2005,

## **KAEDAH PELUPUSAN LAMPU KALIMANTANG OLEH PENDUDUK SEBERANG PERAI**

- Penduduk dikehendaki untuk menghantar lampu kalimantang ke Pusat Kitar Semula diseluruh Seberang Perai.
- Sisa lampu kalimantang hendaklah dibalut dengan kertas terlebih dahulu sebelum di masukkan ke dalam kotak simpanan yang disediakan di Pusat Kitar Semula.
- Pengurusan Pusat Kitar Semula akan menghubungi Majlis untuk membuat kutipan sekiranya kotak tersebut telah penuh.
- Lampu kalimantang yang dikumpulkan di setor penyimpanan akan dilupuskan menggunakan peruntukan MBSP.

# TONG PELUPUSAN LAMPU KALIMANTANG DI PUSAT-PUSAT KITAR SEMUA

